

Malaysia-Korea Selatan rapatkan hubungan ekonomi

UUM-
14/3/2007

SEOUL 13 Mac – Korea Selatan menunjukkan sikap positif terhadap usaha Malaysia untuk terus mengukuhkan kerjasama dalam bidang ekonomi dengan melihat peluang menjadikan negara tersebut sebagai 'tapak permulaan' bagi menembusi pasaran di rantau ASEAN.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, dengan sebab itu Malaysia harus menyediakan pakej menarik bagi meningkatkan pelaburan dari Korea Selatan.

"Bagaimanapun negara ini juga melihat beberapa perbandingan kelebihan-kelebihan lain terutama mengenai kemudahan akses kepada pasaran global.

"Dalam dunia moden sekarang, mana-mana negara yang mempunyai akses pasaran global menjadikan negara itu lebih berjaya untuk menarik pelaburan asing," katanya kepada wartawan Malaysia pada hari terakhir lawatan enam hari beliau ke Korea Selatan di sini, hari ini.

Sebab itu, kata Najib, salah satu faktor yang diambil oleh pelabur dari negara ini untuk menempatkan industri atau kilang mereka di Malaysia ialah kemudahan akses kepada pasaran global.

Menurut beliau, jika Malaysia mempunyai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan banyak negara, ia memberi kelebihan terhadap usaha untuk menarik lebih banyak pelabur Korea Selatan berbanding negara yang tiada perjanjian seumpama itu dengan negara-negara lain.

"Kalau misalnya India ada FTA dengan Amerika Syarikat (AS), mereka (Korea Selatan) boleh menempatkan industri mereka di negara itu untuk pasaran domestik dan eksport ke AS.

"Jadi jika Malaysia ada FTA dengan AS, ia memberi peluang baik untuk menarik pelaburan dari negara ini," jelasnya.

Sebelum ini, Najib menyatakan Malaysia memerlukan FTA dijalinkan dengan AS tetapi pada masa yang sama mahu perkara-perkara yang terkandung dalam perjanjian itu diterima oleh kedua-dua negara.

Sebanyak 18 perkara dirundingkan dalam FTA dengan AS, antaranya barangan perindustrian, tekstil dan pakaian, prosedur kastam, hak harta intelek, pertanian, perkhidmatan kewangan, telekomunikasi, alam sekitar dan pelaburan.

Malaysia dan AS telah mengadakan beberapa siri rundingan berkaitan perkara itu dengan rundingan terakhir diadakan di Kota Kinabalu pada bulan lalu.

- Utusan